

Penggunaan Bahasa Mandarin Dalam Dakwah Oleh Gerakan-Gerakan Dakwah: Sumbangan dan Peranannya di Malaysia

Nur Aisyah Abu Hassan

(Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. Email: nuraisyah@kuis.edu.my)

Safinah Ismail

(Jabatan Dakwah dan Pengurusan Insan, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. Email: safinah@kuis.edu.my)

Aemy Elyani Mat Zain

(Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. Email: aemyelyani@kuis.edu.my)

Siti Zahidah Mual

(Jabatan Dakwah dan Pengurusan Insan, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. Email: sitizahidahmual@gmail.com)

Abstract: *Delivering da'wah by using the foreign language is one of the new approaches in da'wah strategy. Some of the preachers aware on it and indirectly involved in this kind of da'wah by using Mandarin language. That is why there are several of da'wah associations like PERKIM, YADIM and MACMA use the language of Mandarin in da'wah. Hence, the purpose of the paper is to discuss the using of Mandarin language among some of da'wah associations by concentrating their contributions and their roles in presenting da'wah in Malaysia.*

Keywords: *Mandarin, da'wah association, MACMA, YADIM, PERKIM*

Abstrak: Penggunaan bahasa asing dalam menyampaikan dakwah Islam bukan lagi satu pendekatan baru dalam strategi dakwah. Para pendakwah kini sadar bahawa menguasai bahasa asing membantu dalam usaha dakwah Islam termasuklah bahasa Mandarin. Atas kesedaran itulah wujudnya berbagai gerakan dakwah seperti PERKIM, YADIM dan MACMA yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai wadah untuk menyampaikan Islam. Maka, kajian ini bertujuan untuk membahas penggunaan bahasa Mandarin dalam gerakan-gerakan dakwah di Malaysia dengan menumpukan sumbangan dan peranan bahasa Mandarin yang menjadi medium dalam menyampaikan pesan Islam di Malaysia.

Katakunci: Mandarin, gerakan dakwah, MACMA, YADIM, PERKIM

Pendahuluan

Gerakan dakwah di abad 21 dilihat semakin mencabar. Gerakan dakwah Islamiyyah di Malaysia dilihat semakin berkembang dari tahun ke tahun. Berbagai metod dakwah diaplikasi bagi menarik minat orang bukan Islam untuk mengenali Islam dengan lebih dekat. Terdapat berbagai

gerakan dakwah yang wujud di Malaysia. Tujuan mereka hanyalah menyebarkan Islam di seluruh pelosok Malaysia terutamanya dan dunia umumnya. Hasil dari survey sebaran penduduk tahun 2010, bangsa Cina merupakan kaum kedua terbesar selepas kaum Melayu dan Bumiputera sebanyak 24.6%. Jika dianalisa dari sudut keagamaan, direkodkan Cina-Muslim di Malaysia sebanyak 42,028 orang berbanding 5,341,687 orang beragama Buddha, 706,479 beragama Kristian dan 218,261 orang yang beragama Konfusianisme, Taoisme dan agama tradisi. (Sebaran Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi). Menurut MACMA (Malaysian Chinese Muslim Association) kurang dari 2% dari masyarakat Cina memeluk agama Islam.

Oleh itu, terdapat berbagai pendekatan dakwah yang digunakan oleh gerakan-gerakan dakwah di Malaysia bagi menyebarkan pesan Islam kepada Muslim amnya dan kepada belum Muslim khususnya. Antara pendekatan dakwah yang digunakan ialah melalui penguasaan bahasa sesuatu kaum atau etnik. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan penggunaan bahasa Mandarin oleh gerakan-gerakan dakwah di Malaysia. Makalah ini akan membincangkan sumbangan dan peranan oleh gerakan dakwah yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai wadah dakwah.

Tujuan Penelitian

Kajian ini bertumpu kepada gerakan-gerakan dakwah di Malaysia yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai satu pendekatan dakwah. Berikut adalah objektif kajian ini dijalankan:

- i. Mengetahui gerakan gerakan dakwah di Malaysia yang menggunakan bahasa Mandarin dalam pendekatan dakwah
- ii. Mengenalpasti sumbangan dan peranan yang diberikan oleh gerakan-gerakan dakwah ini.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk melihat peranan dan sumbangan penggunaan bahasa Mandarin dalam perkembangan dakwah dikalangan masyarakat Cina khususnya. Selain itu diharapkan agar memberi idea kepada gerakan-gerakan dakwah lain untuk menggunakan pendekatan ini dalam menyebarkan dakwah Islam.

Metodologi

Kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu berdasarkan data bertulis seperti artikel-artikel jurnal, tesis, kajian ilmiah dan laman sesawang yang seiring dengan kajian yang dibuat. Data- data ditapis dan dicernakan untuk penulisan yang lebih mudah dan komprehensif.

Pembahasan

Secara umumnya, dakwah jika dikaitkan dengan agama adalah suatu usaha atau proses untuk melahirkan kewujudannya (agama) dalam realiti kehidupan yang dapat dirasai dan dikesan (Abdullah Muhammad Zin:1997). Menurut al-Qardawi dakwah adalah satu usaha menarik orang lain kepada agama Islam supaya mengikut petunjuk Allah swt dan melaksanakan segala ketentuan Allah di muka bumi ini. Selain itu menundukkan segala bentuk perhambaan diri, permohonan dan taat setia hanya kepada Allah, melepaskan diri dari segala kongkongan yang lain dari Allah (thaghut) yang terpaksa dipatuhi, memberi hak kepada orang yang ditentukan hak oleh Allah, menafikan hak orang yang dinafikan hak oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya. (alQardawi:1983). Manakala gerakan-gerakan dakwah ialah satu organisasi atau badan yang ditubuhkan untuk menjalankan dakwah kepada masyarakat. (Farahwahida Mohd Yusof: 2010)

Bahasa Mandarin pula dikenali sebagai Bahasa Cina dan Putonghua dan merupakan bahasa nasional (Guoyu) negara China. Istilah Putonghua lebih lazim digunakan di negara China. Pereltsvaig (2012) mengkategorikan bahasa Cina dalam keluarga bahasa Sino-Tibetan. Dalam kegunaan seharian, istilah “bahasa Mandarin” sering digunakan iaitu merujuk kepada bahasa Mandarin baku. Mandarin adalah bahasa yang mempunyai penutur yang paling ramai di dunia (Oriental Daily News 2006, m.s.D2-D4). Pembelajaran bahasa Mandarin semakin mendapat perhatian khusus masyarakat dunia kerana bertambahnya nilai ekonomi kerajaan Cina (Hafner, Jaret, Liptak, & Rai, 2006).

Berdasarkan maklumat di atas dapat dilihat penguasaan bahasa Mandarin menguntungkan dai atau pendakwah itu sendiri kerana ruang lingkungannya luas terutama di Malaysia yang penduduk kedua terbesar ialah masyarakat Cina. Malah berdasarkan ayat Al Quran, penggunaan bahasa Mandarin juga menjadi pemudahcara dalam penyampaian sesuatu maklumat. Maklumat akan lagi mudah disampaikan dengan menggunakan bahasa sesuatu kaum. (Nur Aisyah Abu Hassan:2018) Seperti yang tertulis dalam surah Ibrahim ayat 4:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رُسُلٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِمْ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّوا أَلَّا يَهْتَدُوا لِسَاءَ مَا يَحْكُمُونَ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

“Kami tidak mengutus seorang rasulpun, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka. Maka Allah menyesatkan siapa yang Dia kehendaki, dan memberi petunjuk kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan Dialah Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”

Terdapat beberapa gerakan dakwah yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai salah satu pendekatan iaitu Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Kajian memfokuskan kepada tiga gerakan dakwah ini dalam penggunaan bahasa Mandarin sebagai medium dakwah.

MALAYSIAN CHINESE MUSLIM ASSOCIATION (MACMA)

Persatuan Cina Muslim Malaysia atau lebih dikenali dengan singkatannya iaitu MACMA (Malaysian Chinese Muslim Association). MACMA telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 September 1994 bagi memenuhi kehendak masyarakat Cina Muslim dalam menggembelng usaha dakwah dengan lebih berkesan dan tertumpu kepada bangsa Cina serta rakyat berbilang kaum dan bangsa di negara ini . Idea penubuhan persatuan ini adalah hasil dari perbincangan segolongan profesional Cina Muslim yang beridentitikan sosiobudaya Cina yang tidak bertentangan dengan Islam dan hukum Allah. Penubuhannya adalah sangat penting yang bertujuan supaya Cina Muslim di Malaysia dapat lebih mendekati dan berdakwah dengan masyarakat Cina bukan Muslim di Malaysia sekiranya memahami latar belakang, adat, budaya dan kehendak mereka. Penubuhan MACMA menjadi realiti setelah pertemuan diadakan antara jawatankuasa penaja MACMA dengan Dato’ Dr. Abdul Hamid Othman, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 27 Julai 1994. Pertubuhan ini didaftarkan secara sah pada 8 September 1994 di bawah seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966 dengan nombor pendaftaran 1964/94. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) merupakan pertubuhan yang memainkan peranan penting disebalik penubuhan MACMA (Abd Aziz Mohd Zain etc:2006)

Visi Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) adalah untuk menjadi sebuahbadan dakwah yang terunggul dan berwibawa serta mewakili suara Kaum Cina Muslim di Malaysia. Manakala misi persatuan ini untuk membangunkan kaum Cina Muslim Malaysia

supaya menjadi satu ummah “Khairun Ummah” yang bertaqwa dan berilmu. Motto yang dipegang oleh mereka ialah “We Care, We share and We guide” yang membawa maksud “Kami prihatin, kami berkongsi dan kami membimbing”.



Fig 1: Logo MACMA yang melambangkan 5 Rukun Islam dan 6 Rukun Iman

PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) telah diasaskan pada 19 Ogos 1960 oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu YAB Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Di samping itu, Haji Ibrahim Ma Tian Yin juga merupakan tokoh penting kepada penubuhan PERKIM bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Yunus Abdullah Ma Zhengbin, 2010). Sejak penubuhannya Tunku Abdul Rahman dipilih sebagai penasihat sehingga 1971 dan dilantik menjadi Presiden sehingga 1989. Di antara tujuan asal penubuhan PERKIM ialah untuk mengembangkan dakwah Islam kepada orang bukan Muslim dan membantu saudara-saudara baru yang memeluk Islam untuk mempelajari, menghayati dan mempraktikkan ajaran agama Islam di dalam kehidupan seharian. Ia turut menyediakan perlindungan dan bersedia membantu menyelesaikan sebarang kesulitan yang dihadapi oleh saudara baru samada disebabkan kesakitan atau masalah kekeluargaan akibat memeluk Islam.

Tidak terhad hanya kepada usaha dakwah, PERKIM juga menitikberatkan elemen pendidikan dan kebajikan yang memberi, mengadakan dan menguruskan serta menjalankan kelas pendidikan agama Islam menerusi media dan kaedah yang lain. Kemudian, dengan perantaraan sebahagian Cina-Muslim berketurunan Hui ke dalam PERKIM, secara rasminya PERKIM merupakan penaung kepada Persatuan Cina-Muslim Malaysia (MACMA), dan ia bertanggungjawab menjadi pusat dakwah yang aktif menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat Cina (Siti Rohana Jasni, Nor Fatin Azwa Mohd Shukri, 2018). Motto yang dipegang ialah “Islam itu bersaudara” menjadi tunggak PERKIM sebagai nadi penyatapan ahli-ahli dan masyarakat umumnya. (www.perkim.net.my).



Fig 2: Logo PERKIM yang menggunakan symbol-simbol menggambarkan Islam

YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah ditubuhkan pada tahun 1974 oleh kerajaan Malaysia. Idea penubuhan Yayasan Dakwah atas usaha Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Tun Haji Abdul Razak Hussein mewujudkan Badan Penyelaras Gerakan Dakwah yang berasaskan kepada keperluan masyarakat. Ia mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat Islam sejak awal tahun 70an. Kewujudannya juga atas desakan dari masyarakat pada tahun tersebut. YADIM sebagai satu Badan Amanah yang didaftarkan di bawah “Trust Incorporation Ordinance 1952” bertanggungjawab secara langsung kepada YAB. Perdana Menteri Malaysia. Akta ini sebenarnya diberi nama Trustees (Incorporation) Act 1952 atau Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 (No.73 Tahun 1952) yang telah diluluskan oleh Ketua Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir Yusof pada 30 Mei 1974. Akta ini kemudiannya telah dipinda pada 1 Januari 2006. (Masitah Esa, Amini Amir Abdullah, & Siti Suhaila Ihwani, 2017).

Sejarah penubuhan YADIM bermula apabila pembentangan kertas kerja dalam Seminar Kongres Ekonomi Islam Ke-2 yang bersidang pada 7-9 April 1972 di Petaling Jaya anjuran Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar diadakan. Kongres ini telah merumuskan untuk menubuhkan sebuah yayasan yang dinamakan Yayasan Sebaran Islam. Sebanyak enam dibentangkan dalam kongres ini di antaranya ialah "Penubuhan Perbadanan Kewangan Muslimin (Baitul Mal Pusat)" yang dibentang oleh Tuan Haji Nik Mohd Mohyideen Musa. Turut sama dalam penyusunan kertas kerja ini adalah En. Nakhaie Bin Ahmad, yang pada ketika itu merupakan setiausaha bagi kertas kerja tersebut. Berbagai usaha dakwah telah dijalankan oleh YADIM kepada masyarakat. Berdasarkan kepada misi YADIM iaitu melaksana dan menyelaras

aktiviti dakwah merentasi ideologi dan metodologi. Visi pula adalah menerajui urusan dakwah berdasarkan al-Quran dan Hadith maka YADIM akan terus berusaha menjadi penggerak yang berkesan ke arah memanfaatkan potensi ummah melalui pendekatan dakwah Islamiah dan dakwah Islamiah (Masitah Esa, Amini Amir Abdullah, & Siti Suhaila Ihwani, 2017). Kini visi YADIM dimantapkan lagi dengan “Menjadikan Malaysia sebagai Model Pentadbiran yang Rahmah”. Moto yang digunakan ialah “Sampaikan dariku walaupun satu ayat” merupakan hadith Rasulullah SAW.



Fig 3: Logo YADIM yang mempunyai persamaan dengan logo Malaysia.

SUMBANGAN DAN PERANAN GERAKAN DAKWAH DALAM PENGGUNAAN BAHASA MANDARIN

Pengkaji merumuskan terdapat 4 aspek sumbangan dan peranan yang disumbangkan oleh gerakan- gerakan di atas. Aspek ini ialah dari segi pendidikan, kemasyarakatan, ekonomi dan teknologi.

PENDIDIKAN

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pengembangan ilmu pengetahuan kepada seseorang oleh itu, gerakan-gerakan dakwah mengambil berat mengenai aspek pendidikan. Antara yang dilakukan oleh membuat kelas-kelas untuk pembinaan dai sama ada dari kalangan Muslim ataupun saudara baru. YADIM Bersama MACMA Johor dan PERKIM Kawasan Johor pada Disember 2018 telah mengadakan Bengkel Pendakwah Bahasa Mandarin yang bertujuan melahirkan pendakwah dikalangan saudara baru (www.yadim.com.my).

Seterusnya terdapat program Pemurnian Ibadah Saudara Muslim Cina. Program ini bersifat latihan secara teori dan praktikal berkenaan akidah serta solat kepada peserta selain amalan kehidupan Islam seharian. Program yang dianjurkan oleh PERKIM ini juga menitikberatkan mengenai penggunaan bahasa iaitu bukan hanya terhad kepada Mandarin tapi

program juga dibuat dalam dialek Cina yang lain seperti Kantonis dan Hokkien. Hal ini disebabkan penggunaan bahasa merupakan alternatif terbaik bagi memastikan ilmu itu sampai kepada pendengar.

Seterusnya Program Pemantapan Akidah. Program ini diadakan bagi tujuan untuk memberi pendedahan mengenai akidah Islam kepada para peserta agar mereka memahami konsep akidah dengan betul. Antara yang disentuh termasuk pengenalan mengenai solat dan sejarah diwajibkan ibadat berkenaan turut disentuh juga mengenai hikmah melakukan ibadat itu perlu dilakukan bagi seseorang Muslim. Program ini bukan sahaja terbuka untuk muallaf sahaja bahkan yang belum memeluk Islam tetapi ingin mengenali Islam sangat dialu-alukan oleh pihak YADIM untuk menyertainya (Masitah Esa et al., 2017).

Selain dari aktiviti tahunan dan bulanan yang bersifat pendidikan, aktiviti mingguan juga sering diadakan seperti kelas mandarin, kelas pemantapan akidah dan kelas mengaji Al Quran. Gerakan- gerakan dakwah ini seperti MACMA komited meneruskan berbagaikan bentuk program dalam berbagai bahasa pertuturan dan penyampaian. Komitmen ini menjadikan program MACMA dapat menarik minat golongan Cina. Kebiasaannya tiga jenis bahasa digunakan oleh MACMA mengikut kepada sasaran audien seperti Bahasa Mandarin, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Perbezaan Bahasa ini berkait rapat dengan kawasan tempat tinggal dan latar belakang pendidikan. MACMA juga konsisten dalam penganjuran seminar, forum dan bengkel-bengkel yang membincangkan isu-isu semasa berkaitan ekonomi, agama, perundangan dan lain-lain. Ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Cina-Muslim dan memaklumkan hak-hak mereka yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia sebagai warganegara (Mohd Faridh Hafez Mhd Omar, Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, 2016).

KEMASYARAKATAN

Antara program kemasyarakatan yang selalu diadakan oleh ketiga-tiga gerakan dakwah ini ialah sambutan Tahun Baru Cina dan Pesta Tanglung. Aktiviti yang lebih bersifat kebudayaan ini dirayakan bukan hanya Bersama masyarakat Cina Muslim tapi masyarakat yang bukan Muslim juga turut dijemput. Selain itu, masyarakat Melayu juga menghadiri untuk memeriahkan suasana dan memahami budaya sesama kaum. Selain itu juga program berbuka puasa bersama bukan Muslim juga turut diadakan. Program seumpama ini diadakan bersama dengan anjuran dan bantuan badan-badan kebajikan yang lain. Ketua-ketua agama dari agama lain turut dijemput

menjamu berbuka puasa dengan masyarakat Cina Muslim dan yang belum memeluk Islam. Juadah dikongsi bersama tanpa sebarang persengkataan dan permusuhan. Proses pertukaran pendapat dan perkongsian pengalaman berkenaan amalan dan adat resam agama masing-masing dapat dijalankan dengan lancar (Muhammad Syahir Wahab, Ahmad Aakif Mohd Nor, Taufiq Aspal, 2018).

Selain itu, aktiviti kemasyarakatan lain yang diadakan ialah di bawah YADIM Kelantan seperti program khimat masyarakat Cina-Siam, program sembelihan dan bengkel solat. Malah aktiviti ini melibatkan felo muda dakwah dalam usaha menyampaikan ilmu kepada masyarakat umumnya. (Masitah Esa et al., 2017)

EKONOMI

Program-program yang dilakukan banyak mendapat tajaan luar. Malah tabung-tabung untuk muallaf dan saudara baru turut dikutip bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka. Selain dari itu, gerakan-gerakan dakwah juga mencari dana lain untuk kelangsungan aktiviti dakwah mereka. Kelas-kelas agama yang disediakan adalah percuma dan bukan hanya terhad kepada saudara baru tetapi kepada bukan Muslim.

TEKNOLOGI

Penggunaan video dakwah sangat banyak diterbitkan. Selain itu, penggunaan media social seperti Facebook, Twitter dan Instagram dalam menyampaikan dakwah kepada Muslim dan bukan Muslim sangat banyak diviralkan. Bukan hanya dari media massa tapi juga media cetak. Seperti yang dilakukan oleh MACMA juga menerbitkan bahan cetak seperti buletin serta risalah tentang Islam dalam tiga bahasa utama iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Bahan penerbitan dapat memudahkan menyampaikan maklumat kepada berbagai lapisan masyarakat. Penerbitan buletin dan risalah ini bertujuan untuk peningkatan ilmu masyarakat Islam yang berbangsa Cina. MACMA juga turut mengadakan majlis dialog atau interaksi dengan pertubuhan-pertubuhan Cina melalui subjek Falsafah Cina Klasik, Konfucius, Tai Ji atau Chi Kung, etika, moral dan sebagainya (Ab Aziz Mohd Zain, Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Md Yusoff et. al, 2006). Kaedah ini dapat digunakan dengan lebih berkesan jika digunakan untuk berdakwah kepada masyarakat profesional.

PERKIM pula menggunakan media baru termasuk Youtube bagi memperkembangkan dakwah. Bukan itu sahaja, malah PERKIM menerbitkan majalah, buku, artikel dan pamphlet yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai salah satu alternatif dakwah. (www.perkim.net.my)

RUMUSAN DAN CADANGAN

Usaha dakwah yang berterusan perlu dijalankan agar kelangsungan dakwah itu tetap berkembang dan bertambah. Berdasarkan kajian di atas penyelidik mendapati gerakan-gerakan dakwah ini menggunakan bahasa Mandarin dengan sangat aktif dalam menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Muslim. Bukan itu sahaja tetapi penggunaan bahasa asing yang lain turut digunakan berdasarkan keadaan Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum.

Namun ada masalah lain yang dapat dilihat dalam usaha dakwah yang dilakukan iaitu kekurangan ahli sukarelawan yang sama-sama melakukan dakwah ini. Jesteru, penyelidik berharap agar para ahli agama termasuk guru-guru agama dan pendakwah bebas atau sukarelawan perlu mengaktifkan diri mereka dalam kerja-kerja sebegini. Golongan-golongan seperti ini terutamanya yang mempunyai latar belakang pendidikan agama perlu lebih kerap turun ke lapangan agar sebarang masalah yang wujud dalam aspek keagamaan dapat dijawab.

Selain itu, gerakan- gerakan dakwah lain juga perlu turut sama-sama menggembling tenaga dalam menyokong sesama mereka terutama dalam aktiviti dakwah. Seperti yang sering dibuat oleh MACMA, YADIN dan PERKIM. Penyelidik mencadangkan agar pihak-pihak berwajib terutamanya pihak JAIS, pihak agama Islam negeri dan NGO-NGO dapat bekerjasama dengan pihak swasta bagi mengatasi masalah kekurangan sumber kewangan.

Bagi mendapat sokongan yang berterusan dari masyarakat setempat terhadap program yang dianjurkan, pihak berwajib juga perlu lebih kerap mengadakan program di kawasan kediaman penduduk dan berusaha untuk melakukan satu kelainan bagi menarik minat masyarakat setempat untuk menyertai program keilmuan yang dianjurkan. Sememangnya diketahui, sambutan masyarakat terhadap program-program ilmiah selalunya masih berkurangan jika hendak dibandingkan dengan sambutan masyarakat terhadap program yang berbentuk hiburan dan sebagainya. Oleh yang demikian, gerakan-gerakan dakwah tidak boleh berputus asa sebaliknya terus menggembleng tenaga untuk melaksanakan program yang telah dirancang.

Dalam konteks perkembangan ilmu pula, kajian ini perlu dibuat secara terperinci dan menggunakan keberbagaian dalam metodologi penyelidikan serta memperbanyakkan kajian gerakan dakwah agar lebih ramai mengetahui dan boleh menyumbang kepada bidang masing-masing.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian dari hasil dana yang diperolehi dari Geran Pembangunan dan Inovasi KUIS (GPIK) KUIS/PB/2018/GPIK 1/GPI/004.

RUJUKAN

- Jabatan Perangkaan Malaysia (Statistik: Penduduk & Demografi).
https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=155&bul_id=c1pqTnFjb29HSnNYNUpiTmNWZHArz09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVSZklWdzQ4TIhUUT09 (akses:10 April 2019).
- Laman web PERKIM www.perkim.net.my (akses 13 April 2019)
- Laman web YADIM www.yadim.com.my (akses 12 April 2019)
- Laman web MACMA macma.my (akses 12 April 2019)
- Muhammad Syahir Wahab, Ahmad Aakif Mohd Nor, Taufiq Aspal. (2018). *Penggunaan Bahasa Mandarin dalam Dakwah oleh MACMA*. Kajang : Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam KUIS.
- Farahwahida Binti Mohd Yusof & Norshiela Binti Md Said (2010). *PERANAN NGO ISLAM TERHADAP PERLAKSANAAN ISLAH DAN DAKWAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT*: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Ab Aziz Mohd Zin et al. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Yunus Abdullah Ma Zhengbin. (2010). *Dakwah Multi Etnik : Gerakan Dakwah Islam di kalangan Masyarakat Cina Terengganu*: Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Faridh Hafez Mhd Omar, Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy. (2018). Sumbangan Organisasi Cina-Muslim Dalam Keharmonian Beragama Di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan Dan Cabaran PERKIM Dan MACMA. *Isu-isu semasa dakwah dan golongan minority*
- Nur Aisyah Abu Hassan, Phayilah Yama. (2018). Mempelajari Bahasa Asing Menurut Hadith: Kupasan Kepentingan Pembelajaran Bahasa Asing Menurut Al Quran dan Hadith. Kertas kerja dibentangkan di The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018) pada 7 Mac 2018 di ILIM, Bangi.
- Masitah Esa, Amini Amir Abdullah, & Siti Suhaila Ihwani. (2017). Metodologi Dakwah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(2), 26-37.